

02 FEB 2001

Ling-RMK-8

CADANGAN PM LANJUTKAN TEMPOH RMK-8 PERKARA BARU, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Leong Sik berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memanjangkan tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dari lima tahun kepada 10 tahun, merupakan cadangan baru.

Beliau berkata perbincangan akan diadakan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

"Saya percaya sebelum ianya diputuskan, satu perbincangan yang sedalam-dalamnya akan diadakan khasnya dalam Kabinet dan apabila kita telah meneliti cadangan ini dari pelbagai segi, masa itulah kita akan komen," katanya kepada pemberita selepas menutup persidangan "Perundingan Antarabangsa mengenai Globalisasi" di sini hari ini.

Dr Ling berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa kerajaan sedia menimbang untuk memanjangkan tempoh RMK-8 daripada lima tahun kepada 10 tahun.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang meneliti perkara itu ekoran wujudnya lebih peruntukan yang tidak dibelanjakan setiap tahun.

Mengenai persidangan itu, Dr Ling berkata generasi muda dan generasi akan datang perlu diberi penjelasan sewajarnya mengenai nilai murni institusi kekeluargaan dan mempertahankannya daripada terus dihakis dalam era globalisasi.

Menurutnya institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang kaya dengan nilai-nilai murni.

"Unsur negatif yang disalurkan melalui media mengenai keburukan institusi kekeluargaan dan jika ditonton secara berterusan akan menyebabkan golongan muda terpengaruh. Itu sesuatu yang tidak baik," katanya.

Dr Ling berkata institusi kekeluargaan di Malaysia, Asia Tenggara dan Asia Timur mempunyai nilai yang amat tinggi dan berpegang kuat kepada keluarga induk.

"Apa yang dapat dilihat daripada globalisasi dan "cultural imperialism" budaya yang sedang berlaku ini adalah langkah-langkah untuk menghakis nilai-nilai baik seperti ini," katanya.

Dr Ling berkata persidangan seumpama itu wajar diadakan kerana ia dapat memberi peluang kepada mereka untuk memahami tekanan globalisasi.

Persidangan tiga hari anjuran World Evangelical Fellowship dengan kerjasama National Evangelical Christian Fellowship Malaysia itu membincangkan pengaruh globalisasi terhadap masyarakat dalam perspektif kebudayaan, ekonomi dan politik.

Ia dihadiri 73 peserta dari 16 buah negara termasuk Malaysia.

-- BERNAMA

FA DC LAT